

Kedai Ranap Dibadai Ribut

Oleh: Ahya Solehah Abdullah, 1180300

KOTA BHARU, 17 Nov.: Sebuah kedai makan di Kampung Paya Rambai, Jalan Bayam musnah dipukul ribut dalam kejadian jam 3.15 petang itu.

Akibat kejadian itu, tiga buah khemah yang dipasang berhampiran kedai itu turut musnah hampir seratus peratus, namun tiada kecederaan dilaporkan.

Pemilik kedai, Rogayah Mat Jusoh, 52, berkata, dia yang tinggal dibelakang kedai terkejut apabila terdengar bunyi dentuman yang kuat ketika ribut melanda.

“Selepas dengar bunyi dentuman yang agak kuat, saya bergegas melihat melalui tingkap manakala anak lelaki saya terus keluar dari rumah untuk melihat apa yang berlaku”.

“Saya terdiam dan hanya mampu melihat sahaja kedai ranap dan musnah di depan mata,” katanya ketika di temui.



Keadaan bumbung kedai yang menghempap bahagian dalam kedai. FOTO FAQIH ISMAIL

Dia yang juga sebagai ibu tunggal kepada 6 orang anak itu berkata, kewangan keluarganya juga agak terjejas akibat dari keruntuhan kedai tersebut memandangkan dia sekarang sudah tidak lagi mengambil upah mengasuh akibat situasi pandemik.

Walaupun bagaimanapun, kedai tersebut yang sudah dibersihkan oleh saudaranya masih tidak dapat dibaiki lagi akibat masalah kewangan.

“Saya masih mahu memberi sewa kepada penyewa yang lama, lagipun tempoh kontrak masih berbaki lagi dua tahun, namun buat masa sekarang saya perlu kumpul duit dan baiki kedai itu dahulu” katanya.



Bumbung kedai dan perkakas elektrik yang rosak teruk. FOTO FAQIH ISMAIL

Sementara itu, penyewa kedai, Nabila Abdullah, 29, berkata, pada waktu kejadian dia dan suami berada di rumahnya yang terletak kira-kira setengah kilometer dari kedai tersebut memandangkan kedai makan yang disewanya beroperasi pada waktu petang hingga malam.

Dia juga agak terkejut dengan kejadian tersebut, namun dia reda dengan apa yang berlaku. Sekarang, dia dan suaminya berniaga kecil-kecilan di hadapan rumahnya sementara menunggu kedai tersebut dibaiki.